

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI**  
**AWANG [ MARANG ]**  
**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 24**

**Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI AWANG [ MARANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi yang telah dijalankan oleh Kerajaan khususnya Bank Negara untuk mengembalikan nilai Ringgit Malaysia ke potensi sebenarnya dalam masa 3 tahun sepertimana dijanjikan dalam Buku Harapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk tahun ini sehingga 7 November 2019, nilai ringgit telah mengukuh sebanyak 0.23 peratus. Prestasi ringgit adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -5 peratus dan 7 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Pada masa sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh asas ekonomi negara yang kukuh. Oleh yang demikian, Malaysia akan menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi serta memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.